



Peserta yang menyertai Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER di Raub, baru-baru ini.
(Foto ihsan UMP Advanced)



Peserta bergotong-royong membersihkan kawasan Rumah Sejahtera Perkampungan Ibadah, Raub.
(Foto ihsan UMP Advanced)

Usahawan empower ECER Raub santuni warga emas

Raub: Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama UMP Advanced Education mengadakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Rumah Sejahtera Perkampungan Ibadah, di sini, baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pembangunan Komuniti UMP Advanced, Sahrudin Ramli, berkata CSR itu melalui Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower Wilayah Ekonomi Pantai

Timur (ECER).

Katanya, misi program itu dijalankan untuk memberi peluang kepada peserta menunjukkan kemahiran masing-masing hasil daripada latihan yang diterima melalui program latihan itu, seterusnya disumbangkan semula kepada masyarakat.

"Selain itu, program ini juga bertujuan memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan peserta empower ECER.

"Program seumpama ini juga

adalah platform terbaik kepada UMP Advanced bagi diuar-uarkan kepada masyarakat mengenai penawaran program empower ECER.

"Program empower ECER Raub ini sudah melahirkan 3,563 pelajar bermula dari 2011 sehingga tahun lalu.

"Program seperti ini amat baik bagi membimbing dan meningkatkan kemahiran dalam kalangan usahawan supaya lebih kreatif serta inovatif dalam mena-

warkan sesuatu produk atau perkhidmatan.

"Pada masa sama, ia dapat memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat," katanya.

Pada program itu, warga Rumah Sejahtera Perkampungan Ibadah menerima kunjungan 30 peserta yang terdiri daripada Kursus Bakeri Pastri dan Artisan, OEM Jahitan Pukul dan juga kursus baik pulih penyaman udara, mesin basuh dan peti sejuk.

Peserta program turut mengadakan sesi gotong-royong membersihkan kawasan sekitar rumah kebajikan dan mengagihkan hasil produk makanan peserta kepada 17 warga emas.

Program empower ECER Raub bukan sahaja menawarkan kursus untuk melahirkan usahawan, tetapi turut menawarkan kursus teknikal yang memberikan peluang pekerjaan dalam industri khususnya minyak dan gas.